

Written By: Mohamad Arif Zakwan bin Mohamad Amiruddin, Nur Miza Humaira binti Shahmizan

KAMPUNG LUMUT, BELAIT, 26 April 2026 — Sempena sambutan Hari Bumi 2026, Vil-Laju! Brunei telah melaksanakan aktiviti pembersihan pantai bertajuk **Pantai Tani** di Pantai Perkelahan Lumut, Kampung Lumut, Daerah Belait. Program ini turut dihadiri dan dirasmikan oleh Ketua Kampung Lumut II, Yang Mulia Awang Haji Khairdon bin Haji Dahlan, yang menunjukkan kepentingan kepimpinan akar umbi dalam usaha kelestarian negara. Pantai Tani menerima sokongan utama dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), mempamerkan komitmen terhadap kelestarian negara dan penjagaan alam sekitar.

Vil-Laju! Brunei ialah sebuah organisasi yang berteraskan usaha memperkasa komuniti serta mempertingkatkan kapasiti belia, sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Antara inisiatif utama mereka ialah Ctrl+P, sebuah projek berasaskan ekonomi kitaran yang memberi tumpuan kepada pengumpulan dan pemprosesan botol plastik terpakai kepada filamen pencetakan 3D.

Kejayaan program ini dirangsang lagi dengan perkongsian strategik dengan peneraju industri tempatan, di mana RAB Global Green berkhidmat sebagai penaja utama dalam menyediakan penghidratan yang mampan melalui Air Rainwater manakala VFAST memastikan keselamatan semua peserta sebagai Rakan Pertolongan Cemas rasmi. Program ini mempunyai 2 aktiviti iaitu **Pertandingan Mengumpul Sisa** dimana pasukan bertanding untuk mengumpul sisa terbanyak, dengan fokus khusus kepada pengasingan botol plastik PET. Sementara itu, **'Tales of Trash' (Kisah Sisa)** dikendalikan sebagai aktiviti penceritaan interaktif di mana peserta mengkongsikan latar belakang atau penemuan barangan unik yang ditemui semasa pembersihan. Aktiviti ini memupuk dialog tentang asal usul serpihan marin dan impak daripada penggunaan manusia kepada persekitaran.

Pantai Tani bermula dengan taklimat keselamatan, diikuti dengan ucapan perasmian oleh Tetamu Kehormat dan sesi pemanasan badan. Sepanjang pagi tersebut, para peserta terlibat dalam pengumpulan sisa yang kompetitif mengikut zon yang ditetapkan, termasuk pengasingan botol PET bagi inisiatif kitar semula. Program diakhiri dengan sesi penimbangan sisa untuk pengumpulan data, penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan, tanda penghargaan kepada Tetamu Kehormat, dan sesi bergambar ramai sebelum majlis bersurai pada jam 10:30 pagi. Melalui kejayaan Pantai Tani, Vil-Laju tetap menegaskan SDG

dengan menggabungkan kesedaran alam sekitar dengan praktikal, membuktikan bahawa sisa lokal boleh menjadi sumber bagi inovasi negara.

Written By: Saiful Anwar bin Asri

KAMPUNG LUMUT, BELAIT, 26 April 2026 — *Vil-Laju! Brunei* marked Earth Day 2026 by conducting a beach cleanup activity titled ***Pantai Tani*** at Lumut Recreational Beach, Kampung Lumut, Belait District. The event was officially graced by the presence of the Village head of Kampung Lumut II, Yang Mulia Awang Haji Khairdon bin Haji Dahlan, who also inaugurated the activity itself, who showed the importance of grassroots leadership in national sustainability efforts. The programme received primary support from the Department of Environment, Parks and Recreation (JASTRe), showcasing the commitment to national sustainability and environmental stewardship.

Vil-Laju is an organisation that is established on empowering the communities and building up the capacity of the youths, in line with the Brunei Vision 2035 and Sustainable Development Goals (SDGs). Among their main initiatives is Ctrl+P, a project based on circular economy that focuses on the collection and the processing of used plastic bottles, turning them into 3D printing filaments.

The success of the programme was further boosted by strategic partnerships with local industry leaders, where RAB Global Green served as a key sponsor in providing sustainable hydration through Air Rainwater, while VFAST ensured the safety of all participants as official First Aid Partner. This programme had 2 activities, which were: **Waste Collection** and **Weight Competition** where teams competed to collect the most waste, focusing specifically on separating PET plastic bottles. Meanwhile, **‘Tales of Trash’** served as an interactive storytelling activity where participants shared the background or the discovery of a unique item found during cleaning. This fostered a dialogue on the origins of marine debris and the impact of human consumption on the environment

Pantai Tani commenced with a safety briefing, followed by the opening speech by the Guest of Honour and a warmup session. Throughout the day, participants were involved in the competitive waste collection in assigned zones, including the separation of PET plastic bottles for the recycling initiative. The programme concluded with the weighing of the collected trash for data collection purposes, gift giving ceremony to the champions of the competitions, token of appreciation for the Guest of Honour, and a group picture taking session before dispersal at 10:30 a.m. Through the success of *Pantai Tani*, Vil-Laju continues to champion the SDGs by merging environmental awareness with practicality, proving that local waste can indeed be a resource for national innovation.